



UNTUK SIARAN SEGERA

PERKASA KELESTARIAN: LBS BINA GROUP DAN RHB BANK LANCAR PEMBIAYAAN HIJAU UNTUK PROJEK SKYRIA DI D'ISLAND, PUCHONG

Jalinan Kerjasama Sokong Pemilikan Rumah Mampan dan Meningkatkan Aksesibiliti
kepada Rumah Mesra Alam

Petaling Jaya, 23 September 2024 – LBS Bina Group Berhad (“LBS” atau “Kumpulan”), pemaju harta tanah terkemuka pilihan rakyat, mengumumkan kolaborasi strategik bersama Bank RHB (“RHB” atau “Bank”) dengan menawarkan skim pembiayaan hijau untuk SkyRia @ D’Island Residence Puchong (“SkyRia”). Inisiatif ini menunjukkan komitmen bersama dalam memudahkan pembelian rumah yang mesra alam serta menawarkan kehidupan yang lestari di Malaysia.

Kerjasama ini bermula susulan penganugerahan Sijil Provisional Silver GreenRE kepada Skyria, yang merupakan sebahagian daripada komitmen LBS untuk membina masa depan yang lebih hijau. Pensijilan GreenRE merupakan pengiktirafan berwibawa yang diberikan kepada bangunan atau projek pembinaan yang memenuhi kriteria kelestarian tertentu

‘Skim Pembiayaan Hijau RHB menawarkan beberapa kelebihan, antaranya margin pinjaman sehingga 95%, dengan tambahan 5% untuk perlindungan *Mortgage Reducing Term Assurance* (MRTA) atau *Mortgage Reducing Takaful Term* (MRTT). Pakej eksklusif ini direka khusus untuk menjadikan kehidupan lestari lebih mudah dicapai dan mampu milik bagi rakyat Malaysia.

Terletak di D’Island Puchong, sebuah perbandaran utama dan salah satu pembangunan ikonik LBS Bina Group, Skyria merupakan sebahagian daripada komuniti ini. Dengan pemandangan yang indah serta landskap yang berunsurkan hijau dan mesra alam sekitar, D’Island menawarkan kehidupan di tepi tasik yang tenang dan damai.

SkyRia, yang terdiri daripada dua (2) blok kediaman dengan 999 unit rumah, dijangka menghasilkan Nilai Pembangunan Kasar (GDV) sebanyak RM457 juta. Harga seunit bermula dari RM250,000 sehingga RM507,000, menarik minat pelbagai lapisan pembeli. Sejak pelancaran, projek ini mendapat permintaan yang tinggi, menonjolkan daya tarikan tawaran perumahan yang berpandukan kelestarian oleh LBS. Direka untuk menggabungkan kemewahan dengan kelestarian, Skyria menawarkan 29 fasiliti yang bertujuan meningkatkan gaya hidup sambil mengurangkan kesan alam sekitar, menjadikannya pilihan ideal bagi pembeli yang peka terhadap alam sekitar.

Tan Sri Ir (Dr) Lim Hock San, Pengurus Eksekutif Kumpulan LBS Bina berkata, "Kerjasama dengan Bank RHB menjadi penanda aras yang signifikan dalam misi kami untuk membina kediaman yang mampu milik dan lestari. Dengan tawaran skim pembiayaan hijau, kami memudahkan pemilik rumah untuk memiliki kediaman mesra alam di samping memperkasakan komitmen kami terhadap kelestarian alam sekitar. SkyRia @ D'Island adalah bukti kepada visi kami untuk menyediakan perumahan berkualiti tinggi dan lestari kepada pembeli. Sejak pelancaran, projek ini mendapat permintaan yang tinggi, sekali gus mengukuhkan lagi daya tarikan tawaran perumahan yang berpandukan kelestarian oleh LBS."

"Kelestarian menjadi teras utama dalam strategi pembangunan LBS. Kumpulan turut menggariskan komitmen untuk mencapai pelepasan karbon sifar menjelang tahun 2050, satu matlamat yang menjadi panduan bagi semua projek Kumpulan, termasuk SkyRia D'Island. Pendekatan kami termasuk penggunaan teknologi hijau terkini, mengoptimumkan kecekapan tenaga, serta mempromosikan amalan yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar dalam setiap projek kami. Sasaran pelepasan karbon sifar ini bukan sekadar cita-cita, tetapi cerminan tanggungjawab Kumpulan terhadap generasi akan datang," tambah beliau.

Pengarah Urusan Perbankan Komuniti Kumpulan RHB, Jeffrey Ng Eow Oo berkata, "RHB Bank amat teruja di atas peluang berkolaborasi bersama LBS Bina Group dalam inisiatif yang selari dengan visi kami untuk menggalakkan kehidupan yang lestari. Di RHB, kami komited untuk menerajui sektor kewangan dalam memacu kelestarian melalui skim pembiayaan hijau yang inovatif. Kerjasama ini merupakan langkah penting ke arah merealisasikan Strategi & Pelan Tindakan Kelestarian 5-Tahun kami, di mana kami menyasar untuk menyalurkan RM50 bilion dalam pembiayaan lestari."

"Fokus kami adalah untuk menyokong inisiatif yang menyumbang kepada ekonomi rendah karbon dan memupuk pembangunan yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar. Dengan menawarkan skim pembiayaan hijau yang komprehensif, kami bukan sahaja memudahkan

pembelian rumah mesra alam, tetapi juga memperkuatkan peranan kami sebagai peneraju dalam kewangan lestari. Kami percaya bahawa dengan bekerjasama dengan rakan yang mempunyai visi yang sama seperti LBS, kami dapat mempercepatkan peralihan ke arah masa depan yang lebih lestari serta mewujudkan impak positif yang berpanjangan untuk komuniti dan alam sekitar.” tambah beliau.

-Tamat-